12 Januari 2024
*12 January 2024*
P.U. (A) 6

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

## PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2024

## *NATIONAL KENAF AND TOBACCO BOARD (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA 2009

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 84 dan perenggan 91(2)*(d)* Akta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2009 [*Akta 692*], Menteri, selepas berunding dengan Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (Pengkompaunan Kesalahan) 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2024.

**Kesalahan yang boleh dikompaun**

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Kesalahan yang boleh dikompaun itu boleh dikompaun dengan keizinan Pendakwa Raya secara bertulis dalam Borang 1 Jadual Kedua.

**Tatacara mengkompaun**

3. (1) Apabila menerima apa-apa maklumat atau aduan bahawa suatu kesalahan yang boleh dikompaun telah dilakukan, Ketua Pengarah boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya yang disebut dalam subperaturan 2(2), mengeluarkan suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan adalah sah bagi tempoh empat belas hari bermula dari tarikh tawaran itu diterima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat atau apa-apa tempoh lanjutan yang boleh diberikan oleh Ketua Pengarah dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh empat belas hari atau apa-apa tempoh lanjutan

yang diberikan itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu.

**Penyetujuterimaan kompaun**

4. Seseorang yang menyetuju terima tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah menyetuju terima tawaran itu dalam Borang 3 Jadual Kedua dan mengembalikan Borang 3 itu kepada Ketua Pengarah.

**Pembayaran kompaun**

5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan disetuju terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membayar kompaun itu secara tunai, melalui kiriman wang, kiriman wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang kena dibayar kepada Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja", atau melalui kad kredit atau pemindahan wang secara elektronik.

(2) Pembayaran kompaun yang dibuat di bawah subperaturan (1)—

*(a)* secara tunai hendaklah diserahkan sendiri kepada Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara atau mana-mana pejabat Lembaga;

*(b)* melalui kiriman wang, kiriman wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang kena dibayar kepada Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" hendaklah diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar bayar dahulu atau perkhidmatan kurier ke alamat yang dinyatakan dalam Borang 2 Jadual Kedua atau mana-mana pejabat Lembaga; atau

*(c)* melalui kad kredit atau pemindahan wang secara elektronik ke dalam nombor akaun bank yang dipaparkan dalam laman sesawang rasmi Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara dan resit pembayaran hendaklah diserahkan ke alamat yang

dinyatakan dalam Borang 2 Jadual Kedua atau mana-mana pejabat Lembaga sebagai bukti pembayaran.

(3) Lembaga hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi bagi tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.

## JADUAL PERTAMA

[Subperaturan 2(1)]

## KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

Kesalahan yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

*(a)* kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Akta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2009 seperti yang berikut:

(i) subseksyen 39(1);
(ii) subseksyen 39(2);
(iii) subseksyen 44(2);
(iv) subseksyen 45(4);
(v) subseksyen 46(2);
(vi) subseksyen 47(4);
(vii) subseksyen 47(6);
(viii) subseksyen 49(2);
(ix) subseksyen 50(3);
(x) subseksyen 51(2);
(xi) subseksyen 52(2); dan
(xii) subseksyen 80(3);

*(b)* kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (Gred dan Harga Minimum) (Tembakau Diawet Pemanas) 2011 [*P.U. (A) 197/2011*] seperti yang berikut:

(i) subperaturan 2(3); dan

(ii) subperaturan 3(2);

*(c)* kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (Pelesenan Kenaf dan Keluaran Kenaf) 2011 [*P.U. (A) 198/2011*] seperti yang berikut:

(i) subperaturan 8(3);

(ii) subperaturan 10(2);

(iii) subperaturan 20(4);

(iv) subperaturan 21(3);

(v) subperaturan 22(2); dan

(vi) subperaturan 24(2);

*(d)* kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (Pelesenan Tembakau dan Keluaran Tembakau) 2011 [*P.U. (A) 199/2011*] seperti yang berikut:

(i) subperaturan 3(3);

(ii) subperaturan 10(3);

(iii) subperaturan 12(2);

(iv) subperaturan 22(4);

(v) subperaturan 23(3); dan

(vi) subperaturan 26(2).

JADUAL KEDUA

BORANG 1

[Subperaturan 2(2)]

AKTA LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA 2009

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2024

KEIZINAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 84(1) Akta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara [*Akta 692*] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], saya, ........................................................................................................................ (*nama*) dengan ini memberi keizinan untuk mengkompaun ................................................................................ (*nama orang yang kepadanya tawaran kompaun itu dibuat*) bagi kesalahan yang dilakukan di bawah ........................................................................................................................ yang dikatakan telah dilakukan pada ...................................................................................(*tarikh*) di ........................................................................................................................................ (*tempat*).

Bertarikh ............. hari bulan .................. 20..........

..........................................................................

Pendakwa Raya/
Timbalan Pendakwa Raya

BORANG 2

[Subperaturan 3(1)]

AKTA LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA 2009

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2024

TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

Nombor rujukan: ..................................................
Tarikh : ..................................................

Kepada:

..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................

Tuan/Puan*,

Suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap anda ………….………………………………………........
(nyatakan nama *syarikat/perniagaan/ badan lain, jika ada)
(Nombor Lesen: ................................................................ (jika ada)) dan anda didapati telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2009 [*Akta 692*]/peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta dengan butir-butir yang berikut:

*(a)* peruntukan Akta/peraturan-peraturan yang berkaitan*:
………………………………………………………………………………………………………………

*(b)* tarikh : ...........................................................................

*(c)* masa : ...........................................................................

*(d)* tempat :
..........................................................................................................................................................

*(e)* butir-butir kesalahan:

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

2. Menurut subseksyen 84(1) Akta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2009, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, anda ditawarkan suatu kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM.................................. (Ringgit Malaysia ........................................................................................................ sahaja).

3. Sekiranya tawaran di atas diterima, pembayaran hendaklah dibuat secara tunai/kiriman wang/kiriman wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank atau draf bank yang kena dibayar kepada "Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara" dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja"* dan hendaklah diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar prabayar atau perkhidmatan kurier ke alamat yang berikut:

Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara,
Kubang Kerian,
16150 Kota Bharu, Kelantan

4. Pembayaran melalui kad kredit atau pemindahan wang secara elektronik hendaklah dibuat ke dalam nombor akaun bank yang dipaparkan dalam laman sesawang rasmi Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara dan resit pembayaran hendaklah diserahkan ke alamat yang dinyatakan dalam Borang 2 Jadual Kedua atau mana-mana pejabat Lembaga sebagai bukti pembayaran.

5. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran kompaun diterima.

6. Tawaran untuk mengkompaun ini sah sehingga ..................................................................

7. Jika tiada bayaran diterima dalam tempoh yang disebut dalam perenggan 6, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan terhadap anda tanpa notis selanjutnya.

..........................................................................

Ketua Pengarah
Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara
Kementerian Perladangan dan Komoditi

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*

BORANG 3

[Peraturan 4]

AKTA LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA 2009

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2024

PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

Kepada:

Ketua Pengarah
Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara
Kubang Kerian,
16150 Kota Bharu,
Kelantan

Tuan/Puan*,

Saya merujuk kepada Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan ................................................................ dan bertarikh ..................................................

2. Saya menerima tawaran untuk mengkompaun itu dan disertakan bersama dengan ini pembayaran secara tunai/kiriman wang/kiriman wang pos/ pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank no. ……………………… yang kena dibayar kepada "Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara" dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" atau bukti pembayaran melalui kad kredit/pemindahan wang secara elektronik* bagi jumlah wang sebanyak RM............................................................ (Ringgit Malaysia .......................................................................................................................... sahaja) sebagai penyelesaian penuh jumlah yang dinyatakan dalam perenggan 2 Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

Tandatangan : …………………………………………………………………………

Nama (*huruf besar*) : …………………………………………………………………………

Nombor Kad Pengenalan : …………………………………………………………………………

Untuk dan bagi pihak (*jika berkenaan*) : …………………………………………………………………………
(nama syarikat/perniagaan/ badan lain*)

Cap Rasmi Syarikat/Perniagaan/
Badan lain* (*jika berkenaan*) : …………………………………………………………………………

Nombor Perakuan Pendaftaran/Lesen* : …………………………………………………………………………

Alamat : …………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………

Tarikh : …………………………………………………………………………

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*

Dibuat 2 Januari 2024
[MPIC.KTK(S).600-1/1/1(6); PN(PU2)679/II]

DATUK SERI JOHARI ABDUL GHANI
*Menteri Perladangan dan Komoditi*

NATIONAL KENAF AND TOBACCO BOARD ACT 2009

NATIONAL KENAF AND TOBACCO BOARD (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by section 84 and paragraph 91(2)*(d)* of the National Kenaf and Tobacco Board Act 2009 [*Act 692*], the Minister, after consultation with the Board, makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **National Kenaf and Tobacco Board (Compounding of Offences) Regulations 2024**.

(2) These Regulations come into operation on 1 February 2024.

**Compoundable offences**

2. (1) The offences specified in the First Schedule are prescribed as compoundable offences.

(2) The compoundable offences may be compounded with the consent of the Public Prosecutor in writing in Form 1 of the Second Schedule.

**Procedure for compounding**

3. (1) Upon receipt of any information or complaint that an offence which may be compounded has been committed, the Director General may, with the written consent of the Public Prosecutor referred to in subregulation 2(2), issue an offer to compound the offence in Form 2 of the Second Schedule.

(2) An offer to compound an offence shall be valid for a period of fourteen days starting from the date the offer is received by the person to whom the offer is made or such extended period as the Director General may grant and if full payment of the sum offered is made on or before the expiry of fourteen days or such extended period granted, no further proceedings shall be taken against the person who committed such offence.

**Acceptance of compound**

4. A person who accepts an offer to compound a compoundable offence shall accept the offer in Form 3 of the Second Schedule and return Form 3 to the Director General.

**Payment of compound**

5. (1) If an offer to compound an offence is accepted by the person to whom the offer is made, he shall pay the compound in cash, by money order, postal order, cashier's order, banker's order or bank draft payable to the National Kenaf and Tobacco Board and crossed with the words "Account Payee Only", or by credit card or an electronic fund transfer.

(2) The payment of compound made under subregulation (1)—

*(a)* in cash shall be delivered personally to the National Kenaf and Tobacco Board or any office of the Board;

*(b)* by money order, postal order, cashier's order, banker's order or bank draft payable to the National Kenaf and Tobacco Board and crossed with the words "Account Payee Only" shall be delivered personally or sent by prepaid registered post or courier service to the address specified in Form 2 of the Second Schedule or any office of the Board; or

*(c)* by credit card or an electronic fund transfer into a bank account number as displayed in the official website of the National Kenaf and Tobacco Board and payment receipt shall be delivered to the address specified in Form 2 of the Second Schedule or any office of the Board as proof of payment.

(3) The Board shall issue an official receipt for every payment received under subregulation (1) to the person to whom the offer to compound is made.

FIRST SCHEDULE

[Subregulation 2(1)]

COMPOUNDABLE OFFENCES

The following offences are prescribed as offences which may be compounded:

*(a)* the offences committed under the provisions of the National Kenaf and Tobacco Board Act 2009 as follows:

(i) subsection 39(1);
(ii) subsection 39(2);
(iii) subsection 44(2);
(iv) subsection 45(4);
(v) subsection 46(2);
(vi) subsection 47(4);
(vii) subsection 47(6);
(viii) subsection 49(2);
(ix) subsection 50(3);
(x) subsection 51(2);
(xi) subsection 52(2); and
(xii) subsection 80(3);

*(b)* the offences committed under the provisions of the National Kenaf and Tobacco Board (Grades and Minimum Prices) (Flue-Cured Tobacco) Regulations 2011 [*P.U. (A) 197/2011*] as follows:

(i) subregulation 2(3); and
(ii) subregulation 3(2);

*(c)* the offences committed under the provisions of the National Kenaf and Tobacco Board (Licensing of Kenaf and Kenaf Products) Regulations 2011 [*P.U. (A) 198/2011*] as follows:

(i) subregulation 8(3);

(ii) subregulation 10(2);

(iii) subregulation 20(4);

(iv) subregulation 21(3);

(v) subregulation 22(2); and

(vi) subregulation 24(2);

*(d)* the offences committed under the provisions of the National Kenaf and Tobacco Board (Licensing of Tobacco and Tobacco Products) Regulations 2011 [*P.U. (A) 199/2011*] as follows:

(i) subregulation 3(3);

(ii) subregulation 10(3);

(iii) subregulation 12(2);

(iv) subregulation 22(4);

(v) subregulation 23(3); and

(vi) subregulation 26(2).

SECOND SCHEDULE

FORM 1

[Subregulation 2(2)]

NATIONAL KENAF AND TOBACCO BOARD ACT 2009

NATIONAL KENAF AND TOBACCO BOARD (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2024

CONSENT TO COMPOUND OFFENCES

IN exercise of the powers conferred by subsection 84(1) of the National Kenaf and Tobacco Board Act 2009 [*Act 692*] and subsection 376(3) of the Criminal Procedure Code [*Act 593*], I, ........................................................................................................................................ (*name*) hereby give consent to compound ........................................................................................................................................................ (*name of the person to whom the compound offer is made*) for the offence/offences committed under ........................................................................................................................... which is/are said to have been committed on ......................................................................... (*date*) at ........................................................................................................................................ (*place*).

Dated .................. of .......................... 20.....................

..........................................................................

Public Prosecutor/
Deputy Public Prosecutor

FORM 2

[Subregulation 3(1)]

NATIONAL KENAF AND TOBACCO BOARD ACT 2009

NATIONAL KENAF AND TOBACCO BOARD (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2024

OFFER TO COMPOUND OFFENCES

Reference number: ………………………………………….

Date : ………………………………………….

To:

……………………………………………………………………

……………………………………………………………………

……………………………………………………………………

……………………………………………………………………

Sir/Madam*,

An investigation has been conducted against you ………………………………………………………..
(state the name of *company/business/other body, if any)
(Licence Number: ……………………………… (if any)) and you are found to have committed the offence under the National Kenaf and Tobacco Board Act 2009 [*Act 692*]/regulations made under the Act with the following particulars:

*(a)* relevant provision of the Act/regulations*:

……………………………………………………………………………………………………………

*(b)* date : ………………………………………………………………

*(c)* time : ………………………………………………………………

*(d)* place:

……………………………………………………………………………………………………………

*(e)* particulars of offence:

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

2. Pursuant to subsection 84(1) of the National Kenaf and Tobacco Board Act 2009, with the written consent of the Public Prosecutor, you are offered a compound for the offence stated above for the sum of RM…......................................... (Ringgit Malaysia ......................................................................................................................... only).

3. If the above offer is accepted, payment shall be made in cash/money order/ postal order/cashier's order/banker's order or bank draft made payable to the "National Kenaf and Tobacco Board" and crossed with the words "Account Payee Only"* and shall be delivered personally or sent by prepaid registered post or courier service to the following address:

National Kenaf and Tobacco Board
Kubang Kerian,
16150 Kota Bharu, Kelantan

4. Payment through credit card or an electronic fund transfer shall be made into a bank account number as displayed in the official website of the National Kenaf and Tobacco Board and payment receipt shall be delivered to the address specified in Form 2 of the Second Schedule or any office of the Board as proof of payment.

5. An official receipt shall be issued on receipt of the payment of the compound.

6. This offer to compound shall be valid until ……………………………….............................

7. If no payment is received within the period referred to in paragraph 6, prosecution for the offence may be instituted against you without further notice.

.....................................................................

Director General
National Kenaf and Tobacco Board
Ministry of Plantation and Commodities

---

**Delete whichever is inapplicable.*

FORM 3

[Regulation 4]

NATIONAL KENAF AND TOBACCO BOARD ACT 2009

NATIONAL KENAF AND TOBACCO BOARD (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2024

ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND OFFENCES

To:

Director General
National Kenaf and Tobacco Board
Kubang Kerian,
16150 Kota Bharu,
Kelantan

Sir/Madam*,

I refer to the Offer to Compound Offences bearing the reference number ............................................................. and dated ……......................................

2. I accept the offer to compound and enclose herewith the payment in cash/ money order/postal order/cashier's order/banker's order/ bank draft no. ............................................ made payable to the "National Kenaf and Tobacco Board" and crossed with the words "Account Payee Only" or proof of payment through credit card/electronic fund transfer* for the sum of RM................................................ (Ringgit Malaysia ……………………………………………………………………………………….. only) as full settlement of the sum stipulated in paragraph 2 of the Offer to Compound Offences.

Signature : ……………………………………………………………………

Name (*in capital letter*) : ……………………………………………………………………

Identity Card Number : ……………………………………………………………………

For and on behalf (*if applicable*) : ……………………………………………………………………
*(name of company/business/other body*)*

Official Stamp of Company/Business/
other Body* (*if applicable*) : ……………………………………………………………………

Certificate of Registration/Licence Number*: ……………………………………………………………

Address : ……………………………………………………………………
……………………………………………………………………
……………………………………………………………………

Date : ……………………………………………………………………

---

**Delete whichever is inapplicable.*

Made 2 January 2024
[MPIC.KTK(S).600-1/1/1(6); PN(PU2)679/II]

DATUK SERI JOHARI ABDUL GHANI
*Minister of Plantation and Commodities*